

Muhibah 10 hari di Malang erat hubungan siswa S'pura, Indonesia



30 siswa asrama
Pioneer House di
NUS kembara ke
Malang, Jawa Timur,
di bawah kursus
Usaha
Persaudaraan Asia
Tenggara

► **NURUL AIN RAZALI**

Hubungan ekonomi dan kebudayaan sesama manusia, bahkan yang terpisah ribuan batu sekalipun, memang rumit sejak zaman purba lagi.

Menurut pengembara tersohor asal Maghribi, Ibnu Battuta, hal tersebut dijangka menjadi lebih sulit ekoran maklumat yang mampu merentas sempadan seraya membentuk kelompok manusia dengan cita tersendiri.

Fenomena itu tercatat dalam bukunya berjudul *Rihla* yang ditulis pada 1355.

Hari ini, 670 tahun kemudian, dunia masih bergelut dengan isu-isu sama.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan, di samping mempererat silaturahmi dan mengekalkan perpaduan dalam suasana tidak menentu sekarang.

Misalnya, pemimpin Asia Tenggara berhimpun di Kuala Lumpur lewat bulan lalu (26-27 Mei 2025) demi menayakan Sidang Kemuncak Asean.

Sidang tersebut bermatlamat menghuraikan pelbagai keprihatinan, seperti konflik di Myanmar dan kesan tarif import.

Selain percubaan pada peringkat tinggi, warga dunia patut menumpukan perhatian terhadap barisan pelapis, yakni golongan mahasiswa dan belia seangkatan mereka.

PERPADUAN BELIA

Baru-baru ini, seramai 30 siswa asrama *Pioneer House* di Universiti Nasional Singapura (NUS) mengembara ke Malang, Jawa Timur, di bawah kursus *Usaha Persaudaraan Asia Tenggara* (SFI).

Penulis membimbing dan menemani mereka dalam rangka lawatan 10 hari program berkenaan, yang bermula 11 Mei hingga 20 Mei 2025.

Menurut dokumen lawatan, SFI bertujuan melengkapi siswa dengan kemahiran hidup di rantau Asia Tenggara, mencipta kesan mampan terhadap kelompok yang didekati dan memahami Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui kaedah ilmiah.

Selain Indonesia, SFI berlangsung di Malaysia, Thailand, Vietnam, Filipina, Kemboja dan Laos.

Semasa di Malang, rombongan NUS melakukan kerja berkumpulan bersama 16 siswa fakulti kejuruteraan Universiti Brawijaya (UB). UB merupakan universiti terbaik di Malang, menurut maklumat kedudukan varsiti Indonesia.

Berpendukan SDG PBB dan latar belakang Indonesia, mereka menganalisis pelbagai tarikan dan perusahaan di Malang.

Antara tempat penting yang dilawati ialah Candi Singosari, kampung Ngroto, Gunung Bromo, Empangan Karangkrates dan Madrasah Ibtidaiyah Negeri (MIN) 1 Kota Malang.

Perusahaan yang mereka hayati pula termasuk Kampung Warisan Kajoetangan, Soendari Batik dan studio tembikar Matahati Ceramics.

Setiap tempat menyediakan sesi soal jawab tentang perniagaan yang dijalankan.

Warga setempat turut dijemput berkongsi kearifan tempatan.

Contohnya, siswa mempelajari cara Empangan Karangkrates memanfaatkan teknik kejuruteraan yang berusaha melindungi alam sekitar.

Matahati Ceramics pula menghasilkan karya tembikar mesra alam dan menyokong perniagaan lain.

Pada hari kesembilan, semua siswa membentangkan dapatan kajian berserta saranan mempertingkatkan prasarana, inovasi dan ekonomi tempat-tempat tersebut bersandarkan SDG PBB.

Hasil kajian akan dikumpul menjadi kertas kajian buat kegunaan masa depan.

TEMPA MASA DEPAN BERSAMA

Salah satu peserta daripada Pioneer House ialah siswa tahun pertama bidang ekonomi dan sains politik NUS, Encik Ivan Seow Sze Minn, 20 tahun.

Ini kali pertama beliau menjejakkan kaki ke Indonesia dan teruja peluang seperti SFI disediakan demi meluaskan pemandangan emosi dan intelek, ujarnya.

“Jujur saya rasa lawatan ini diaturnya untuk memenuhi keperluan era pasca-globalisasi.

“Saya percaya kerjasama sedemikian sangat penting kerana pada zaman geopolitik yang kurang stabil ini, kebangkitan regionalisme sedang berlaku.

“Dalam hal ini, Asean memainkan peranan penting memacu pembangunan serantau hingga mampu muncul sebagai kuasa yang berdaulat di pentas antarabangsa.

“Negara-negara dalam Asean mempunyai kekuatan masing-masing, Singapura memiliki teknologi canggih manakala Indonesia mempunyai pasaran yang besar. Kalau kekuatan masing-masing disatukan, masa depan Asean akan menjadi lebih cerah,” kata Encik Ivan.

Relawan UB, yang juga siswa kejuruteraan sivil tahun kedua, Encik Felix Poerwo, 20 tahun, turut terkesan dengan persahabatan yang terbina meski baru 10 hari bersama.

Di akhir program, empangan air mata hancur jua dalam kalangan siswa UB dan NUS tatkala mengucapkan salam perpisahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Juanda, Surabaya.

“Saya lihat setiap relawan, siswa dan pensyarah NUS menonjolkan keprihatinan dan cukup mengambil berat.



Siswa Universiti Nasional Singapura (NUS), Encik Ivan Seow (kiri) dan Encik Kang Yi Jin, berinteraksi dengan kanak-kanak Madrasah Ibtidaiyah Negeri (MIN) 1 Kota Malang sebagai usaha mendalami kerencanan sistem pendidikan di Malang, dalam lawatan Usaha Persaudaraan Asia Tenggara (SFI) Malang 2025. – Foto ihsan ZHU RUIHAN

“Perpaduan itu sangat mengharukan saya. Ikatan kami terjalin dalam masa yang singkat, bahkan kami masih berhubung berminggu-minggu kemudian.

“Hubungan sebegini justeru boleh menjadi landasan kerjasama yang lebih utuh dan asli antara negara kita pada jangka masa panjang,” kata Encik Felix.

MALANG NAN TENANG

Ketika berbincang tentang Jawa Timur, penulis mengagumi ketenteraman yang Malang tawarkan berbanding Surabaya.

Surabaya sudah lama menjadi hab perniagaan usahawan Singapura dan Indonesia.

Warga Singapura juga sering melancong ke Surabaya, dengan wujudnya barisan penerbangan langsung dari Changi ke Juanda.

Mungkin atas dasar itu, penulis rasa bahawa pengalaman bersiar-siar di pusat bandar Surabaya persis berjalan di Somerset – menyakkan nafas dengan aliran trafik dan manusia yang ramai.

Namun, Malang, yang terletak dua jam memandu dari Surabaya, lebih menenangkan.

Pelawat boleh cuci mata menatap seni bina bangunan dan tugu bersejarah sambil menghirup sup bakso yang tiada tandingannya.

Penulis turut ditundukkan dengan tepunya suasana keilmuan di Malang, dengan kewujudan 20 universiti.

Lazimnya, penulis membaca kajian cendekiawan Universitas Negeri Malang (UNM), UB, dan Universitas Muhammadiyah Malang (UMM) secara dalam talian.

Namun, perasaannya berbeza tatkala melihat bangunan universiti dan menemui tenaga pengajar di situ.

Malang pun sebenarnya lebih dekat dengan Gunung Bromo berbanding Surabaya.

Perjalanan dari Surabaya ke Bromo selalunya bermula pada 12 tengah malam dan kita akan tiba di puncak berdekatan betul-betul sebelum matahari terbit pada 5.30 pagi.

Namun, perjalanan dari Malang ke Bromo memakan masa dua jam sahaja.

Hal ini sesuai dengan kaki jalan yang tidak betah duduk lama dalam kenderaan.

KESIMPULAN

Sedang pemimpin dewasa giat mencari huraian, kita sebagai anggota masyarakat biasa memainkan peranan membentuk masa depan negara dan rantau ini.

Memandangkan masa depan berada atas pundak belia seperti siswa NUS, UB dan lain-lain, kita harus mengasah intelek mereka agar mampu berfikir di luar kelaziman.

Di samping itu, kita lengkapkan mereka dengan kemahiran rentas zaman, seperti kecerdasan emosi, diplomasi, seni berkomunikasi secara berkesan, kepimpinan dan kebolehan menyesuaikan diri.

Ciri-ciri sedemikian tidak akan mampu dihasilkan semula oleh mesin kecerdasan buatan (AI).

Kalaupun belia hari ini gagal menghuraikan masalah besar, sekurang-kurangnya mereka kelak memiliki sifat-sifat insani lagi manusiawi.

► Penulis, Nurul Ain Razali, pensyarah bahasa dan budaya Melayu bebas di Singapura. Beliau mantan wartawan akhbar Berita Harian/Berita Minggu dan editor di dua saluran media berpangkalan di Britain.

“Jujur saya rasa lawatan ini diaturnya untuk memenuhi keperluan era pasca-globalisasi. Saya percaya kerjasama sedemikian sangat penting kerana pada zaman geopolitik yang kurang stabil ini, kebangkitan regionalisme sedang berlaku. Dalam hal ini, Asean memainkan peranan penting memacu pembangunan serantau hingga mampu muncul sebagai kuasa yang berdaulat di pentas antarabangsa.

– Encik Ivan Seow, siswa tahun pertama bidang ekonomi dan sains politik NUS.

“Saya lihat setiap relawan, siswa dan pensyarah NUS menonjolkan keprihatinan dan cukup mengambil berat.

“Perpaduan itu sangat mengharukan saya. Ikatan kami terjalin dalam masa yang singkat, bahkan kami masih berhubung berminggu-minggu kemudian.

“Hubungan sebegini justeru boleh menjadi landasan kerjasama yang lebih utuh dan asli antara negara kita pada jangka masa panjang.”

– Encik Felix Poerwo, relawan UB, yang juga siswa kejuruteraan sivil tahun kedua.



Sekilas teknik kejuruteraan yang digunakan Empangan Karangkrates disampaikan oleh siswa Universitas Brawijaya (UB) Encik Felix Poerwo (tengah) kepada rombongan Universiti Nasional Singapura (NUS). – Foto ihsan ZHU RUIHAN



Pada hari ke-10 dan terakhir, para siswa Universiti Nasional Singapura (NUS) mengucapkan terima kasih mengikut adat orang Indonesia kepada siswa Universitas Brawijaya (UB) di Lapangan Terbang Antarabangsa Juanda, Surabaya. – Foto ihsan ZHU RUIHAN



Kemegahan Gunung Bromo boleh disaksikan dari Lautan Pasir atau dikenali sebagai 'Pasir Berbisik', iaitu kawasan yang hanya boleh diredahi berjalan kaki, menaiki jip 'offroad' atau menunggang kuda. Nama 'Pasir Berbisik' berasal daripada suara desiran lembut yang terhasil apabila angin meniup pada pasir gunung berapi yang kehitaman ini. – Foto ihsan ZHU RUIHAN